

ACO sasar dagangan produk koperasi negara ASEAN awal 2020

KUALA NERUS 18 Jun - Produk-produk koperasi dari 10 negara ASEAN yang terlibat dalam program sudut pameran ASEAN Corner dijangka dapat dipasarkan pada awal tahun depan.

Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, aktiviti dagangan baharu itu bakal menggalakkan sekali gus memperkayakan lagi perniagaan kira-kira 250,000 koperasi ASEAN untuk diketengahkan di peringkat antarabangsa.

Katanya, buat masa ini proses mengenal pasti 10 produk itu masih lagi digerakkan kebanyakan negara dengan Malaysia, Thailand dan Vietnam difahamkan sudah memiliki sudut pameran di ibu pejabat badan koperasi yang mewakili gerakan koperasi di negara-negara masing-masing.

"Kita melihat potensi per-

dagangan dalam negara ASEAN yang memiliki seramai 640 juta penduduk.

"Sasaran kita adalah satu kontena produk dapat didagangkan setiap

bulan atau sekurang-kurangnya 10 kontena setahun sekali gus akan membolehkan kita mencapai hasrat memasuki pasaran di rantau Asia pada 2021 dan menaikluki peringkat global pada 2025," katanya.



ABDUL FATTAH ABDULLAH

Beliau berkata kepada pemberita dalam majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Terengganu di Wisma Koperasi Kakitangan Kerajaan Terengganu Berhad (Kokitab) di sini hari ini.

Yang hadir sama, Pengerusi Angkasa negeri, Mohamed Yusoff. Abdul Fattah yang juga Pre-

siden Angkasa berkata, antara produk tempatan yang diperincikan bagi tujuan itu termasuk farmaseutikal di samping buah-buahan seperti nanas dan durian.

Dalam perkembangan sama, katanya, bagi fasa pertama sudut pameran itu sebanyak 10 produk akan diketengahkan dan jumlahnya dijangka meningkat kepada 20 produk menjelang fasa kedua kelak.

"Kalau di Malaysia produk kita mempunyai kelebihan dari segi pensijilan International Standard Organisation (ISO) daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd di samping halal dan Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP).

"Bagi negara bukan Islam misalnya, mereka boleh memilih produk buah-buahan atau sayur-sayuran mahu pun beras," katanya.

Sementara itu, Abdul Fattah memberitahu, terdapat sebanyak 14,247 koperasi berdaftar dengan Angkasa setakat 31 Disember tahun lalu.